

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HAJI AHMAD JAZLAN BIN
YAAKUB [MACHANG]**

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesediaan Kementerian untuk meminda undang-undang berkaitan jenayah siber dan komputer yang tidak lagi selari dengan perkembangan dan kemajuan teknologi pada masa kini seperti Akta Jenayah Komputer 1997.

JAWAPAN

**YB DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD. YUSOF,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan bersedia untuk meminda dan menyemak semula semua perundangan sedia ada berkaitan keselamatan dan jenayah siber yang tidak lagi selari dengan perkembangan dan kemajuan teknologi pada masa kini, termasuk Akta Jenayah Komputer 1997 [Akta 563].
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah melancarkan Strategi Keselamatan Siber Malaysia (Malaysia Cyber Security Strategy) (MCSS) 2020-2024 pada Oktober 2020 yang lalu. Strategi ini telah menggariskan pelan tindakan yang holistik bagi menangani ancaman dan jenayah siber yang kian meningkat.
3. Pelan tindakan yang digariskan di bawah strategi ini termasuklah memperkukuhkan rangka kerja perundangan keselamatan siber melalui pelaksanaan semakan semula ke atas peruntukan undang-undang sedia ada bagi memastikan ancaman keselamatan dan jenayah siber dapat ditangani dengan lebih berkesan.

Sekian, terima kasih.